

PEKELILING AKADEMIK SPACE UTM BIL.1/2023

**PENGUATKUASAAN TATACARA BERPAKAIAN MAHASISWA DI LOKASI / PUSAT
PEMBELAJARAN SPACE UTM**

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (SPACE UTM)**

Semua pelajar SPACE UTM (termasuk pelajar bagi Program Separuh Masa yang dilaksanakan di SPACE UTM) adalah diminta mengambil maklum.

2. Merujuk kepada Buku Peraturan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia, Cetakan keduabelas 2016 (semakan IV) muka surat 74, **Tatacara Berpakaian Mahasiswa**. Pelajar adalah **DIINGATKAN** untuk mematuhi peraturan Tatacara Berpakaian Mahasiswa seperti yang telah ditetapkan termasuk ketika berada di lokasi yang disediakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:-


- i. **Bangunan Residensi UTMKL**
- ii. **Semua Pusat Pembelajaran SPACE UTM**

3. Pihak Universiti sekali lagi menegaskan bahawa semua pelajar adalah tertakluk kepada semua peraturan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. TS DR NAZRI BIN ALI

Pengerusi

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE)
Universiti Teknologi Malaysia

☎ : 07-5318010

☎ : 07-5610339

✉ : nazriali@utmSPACE.edu.my

- s.k.
- i. Timbalan Pengerusi (Pembangunan), SPACE UTM
 - ii. Pengurus Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Semua pelajar **DIWAJIBKAN MEMAKAI KAD MATRIK/PINTAR** semasa berada di dalam kawasan kampus termasuk semasa berada di premis yang dimiliki oleh universiti. Kad matrik/pintar **MESTILAH DIPAKAI** dan **DIPAMERKAN** di bahagian hadapan paras dada.



SITUASI

PAKAIAN YANG DIBENARKAN

Semasa menghadiri kuliah, melakukan urusan rasmi atau kegiatan lain di Sekolah/ Fakulti/ Kolej/ Bahagian Pentadbiran dan di mana sahaja di khalayak ramai dalam Kampus

Pelajar diwajibkan berpakaian sopan: baju kemeja, baju T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lutut.



Semasa menghadiri majlis rasmi universiti

Pelajar lelaki diwajibkan berpakaian kemas seperti berkemeja lengan panjang, bertali leher dan berseluar panjang (bukan *jeans*), berkasut kulit atau berpakaian kebangsaan lengkap.

Pelajar perempuan diwajibkan berpakaian sopan seperti berbaju kurung atau seperti berskirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang dan longgar (tidak sendat/ketat).



Semasa menjalankan aktiviti makmal, sukan dan kebudayaan

Pelajar hendaklah mematuhi amalan pakaian dan peraturan yang dikuatkuasakan.



PERINGATAN: Pelajar yang Didapati Ingkar, Boleh Dikenakan Amaran atau Denda Tidak Melebihi RM50.00 (Kesalahan Pertama) atau Dihadapkan kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar bagi Kesalahan Berulang.